PERATURAN PERMAINAN PICKLEBALL

1 PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut Peraturan Rasmi USA Pickleball (USAP) 2026 yang diguna pakai oleh Persatuan Pickleball Malaysia (MPA).

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Kejohanan dan keputusan adalah muktamad.

2 PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Jenis Pertandingan :

2.1.1 Bergu Lelaki

2.1.2 Bergu Wanita

2.1.3 Bergu Campuran

2.1.4 Bergu Lelaki Veteran

2.1.5 Bergu Wanita Veteran

2.1.6 Bergu Campuran Veteran

2.2 Pendaftaran Pemain

2.2.1 Setiap pemain boleh bermain 1 acara.

2.2.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar 5 beregu bagi setiap acara. Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut:

BIL	ACARA	ATLET	PEGAWAI	PENYERTAAN (MAKSIMA)
1.	Bergu Lelaki	2	1	5 Penyertaan
2.	Bergu Wanita	2	1	5 Penyertaan
3.	Bergu Campuran	2	1	5 Penyertaan
4.	Bergu Lelaki Veteran	2	1	5 Penyertaan
5.	Bergu Wanita Veteran	2	1	5 Penyertaan
6.	Bergu ampuran Veteran	2	1	5 Penyertaan

2.2.3 Pendaftaran pemain hendaklah dibuat secara online melalui https://scms.uitm.edu.my/ .

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Bagi acara individu, sistem pertandingan untuk Kejohanan ini akan dijalankan secara sistem Berkumpulan *(Grouping System*).

2.3.2 Perlawanan peringkat awal hingga suku akhir akan dimainkan ”21 mata (“serve to win”).

2.3.3 Masa permainan dimainkan hingga 21 mata, dan jika kedua-dua bergu sama mata 20-20, mata (“serve to win”) akan dimainkan.

2.3.4 Bagi peringkat separuh akhir hingga akhir akan bermain “ Best of 3 Set” dengan kiraan 15 mata dan jika seri 14-14, mata (“serve to win”) akan dimainkan bagi menentukan pemenang.

2.3.5 Pemenang akan ditentukan melalui pingat Emas, Perak dan Gangsa sahaja. Perlawanan Tempat Ke-3 dan Ke-4 akan dimainkan.

2.3.6 Undian akan dibuat semasa majlis undian rasmi oleh Jawatankuasa Teknikal Kejohanan.

2.3.7 Format pertandingan secara liga dalam kumpulan dan kalah keluar (*Knock Out System*) pada peringkat seterusnya.

2.4 Referi Kehormat

2.4.1 Referi bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi setiap permainan yang dipertandingkan mulai dengan peringkat separuh akhir hingga perlawanan akhir.

2.5 Kelewatan

2.5.1 Setiap pemain diberi tempoh masa selama 5 minit dari masa perlawanan yang telah ditetapkan sebelum diistiharkan kemenangan percuma kepada pihak lawan kecuali telah berhubung dan mendapat kebenaran daripada pengelola.

2.6 Penangguhan

2.6.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh.

2.6.2 Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.

3 PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Semua pemain hendaklah memakai pakaian sukan yang sopan dan sesuai.

3.2 Kasut mestilah jenis Indoor Court Shoes.

3.3 Pemakaian jeans, selipar atau pakaian tidak sesuai adalah tidak dibenarkan

3.4 Paddle mestilah mematuhi spesifikasi USA Pickleball.

3.5 Bola rasmi kejohanan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal.

4 AKUJANJI PASUKAN DAN PESERTA

4.1 Pegawai dan peserta memberi akujanji tidak akan menuntut sebarang kerugian, kecelakaan, kehilangan harta benda dan nyawa sebelum, semasa dan selepas Kejohanan kepada Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan, Pegawai-Pegawai yang dilantik dan sesiapa yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa Pengelola dan Penaja kecuali seperti yang dilindungi oleh insurans pasukan dan peserta.

5 INSURANS

5.1 Semua kontinjen adalah dinasihatkan untuk mengambil insuran bagi semua ahli kontinjen yang menyertai sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia ini.

6 BANTAHAN

6.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan kecuali keputusan pengadil di padang/gelanggang.

6.2 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Melayu dengan mengemukakan bukti-bukti beserta dengan yuran bantahan secara tunai sebanyak RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja).

6.3 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan maka wang cagaran sebanyak RM300.00 sahaja akan dikembalikan manakala RM200.00 yuran proses tidak akan dikembalikan.

6.4 Sekiranya bantahan ditolak yuran bantahan tidak akan dikembalikan sama sekali kepada pihak yang membuat bantahan.

6.5 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengerusi Teknikal

acara sukan berkenaan atau wakilnya dalam masa satu (1) jam selepas perlawanan tamat.

6.6 Beban bukti adalah menjadi tanggungjawab kepad pihak yang membuat bantahan.

7 HADIAH

7.1 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Bergu Lelaki	1	2	1	2	**1**	**2**
Bergu Wanita	1	2	1	2	**1**	**2**
Bergu Campuran	1	2	1	2	**1**	**2**
Bergu Lelaki Veteran	1	2	1	2	**1**	**2**
Bergu Wanita Veteran	1	2	1	2	**1**	**2**
Bergu Campuran Veteran	1	2	1	2	**1**	**2**
JUMLAH	**6**	**12**	**6**	**12**	**6**	**12**

8 KEADAAN LUAR JANGKA

8.1 Sebarang kaedah luar jangka termasuklah peraturan-peraturan atau perkara yang tidak diliputi oleh peraturan ini, mengenai tafsiran peraturan ini dan sebarang pengecualian peraturan ini adalah terletak hak kepada **JSR** yang mana keputusan adalah **MUKTAMAD.**